



## PERANCANGAN ZIONIS KE ARAH PEMBENTUKAN NEGARA ISRAEL

Oleh:

Mohd Roslan Mohd Nor<sup>1</sup>

Nor Dalila Zakaria<sup>2</sup>

*m\_roslan@um.edu.my*

### ABSTRACT

*The official establishment of the State of Israel in 1948 on the land of Palestine was a result of hardworking and strategic planning of Zionists. By using several methods and their continuous effort including the moral boost that they received from the west which always supported Zionists effort, has given a huge advantage to the Zionists. This article will attempt to explore the Zionists plan which they have succeeded in taking over Palestine and established the state that is merely for the Jews.*

**Keywords:** *Palestine, Zionist, Israel, Zionisme, Middle East*

---

<sup>1</sup> Mohd Roslan Mohd Nor, PhD, merupakan pensyarah kanan dan Ketua, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>2</sup> Nor Dalila Zakaria, B.A., merupakan pembantu penyelidik bagi penyelidikan ini.





## **PENDAHULUAN**

Kewujudan negara Israel di Timur Tengah, secara khususnya di atas tanah yang pernah dimiliki rakyat Palestin sudah menjadi subjek yang dibincangkan dipelbagai peringkat di dunia ini, samada di barat mahupun timur. Para pemikir, penguasa, pembuat dasar, ahli akademik dan para penyelidik tidak ketinggalan untuk membincangkan isu ini. Namun, kebanyakan di antara mereka, terutama pada zaman moden ini lebih tertumpu kepada keadaan pergolakan dari segi politik dan pentadbiran di antara Israel dan Palestin. Sebagai contoh, ramai yang menumpukan perbincangan terhadap Hamas (Harakah al-Muqawwamah al-Islamiyyah) yang memenangi pilihanraya secara demokrasi pada tahun 2006 dan membentuk kerajaan yang sah di Gaza. Dalam pada itu, jarang yang cuba mengungkap sejarah pergolakan tersebut terutama dikalangan penyelidik masakini.

Bagi memahami konteks pergolakan yang berlaku, tidak boleh tidak kajian terhadap beberapa punca pergolakan juga harus dilihat secara objektif. Umpamanya, sesetengah kalangan penyelidik berpendapat bahawa kejayaan golongan Yahudi menguasai Palestin pada abad moden khususnya bermula pada abad ke-20 adalah antara lain disebabkan oleh kelemahan kerajaan Turki Uthmaniyah di penghujung pemerintahannya.<sup>3</sup> Memang sukar untuk mengakui kelemahan tersebut kerana ia menunjukkan kelemahan pemerintahan Islam. Tetapi itulah hakikat yang harus diterima, di atas kelemahan pimpinan itulah masyarakat Arab di Palestin menderita sehingga ke hari ini. Oleh kerana ada kelemahan di peringkat pemerintahan, ia telah membuka laluan kepada penguasaan British terhadap Palestin.

Jika ditinjau dari aspek sejarah, petanda penguasaan British ke atas Palestin bermula semenjak Empayar Turki Uthmaniyah berada diambang kejatuhan. Ia menjadi nyata apabila Turki Uthmaniyah tewas bersama Jerman di dalam Perang Dunia Pertama. Manakala sekutu British iaitu Perancis berjaya menguasai Lubnan dan Syria selepas Perang Dunia Pertama tersebut. Penglibatan Hijaz (tanah Arab) secara tidak lansung di dalam perang tersebut telah membantu British menguasai Palestin. Penglibatan Hijaz lebih kepada soal peribadi Sharif Husin yang ingin bangkit dan membebaskan rakyatnya dari pemerintahan Turki Uthmaniyah

<sup>3</sup> Sila lihat umpamanya Baxter, Kylie dan Akbarzadeh, Shahram (2009), *US Foreign Policy in the Middle East: The Root of anti-Americanism*, London and New York: Routledge, h. 6-15.



dan secara tidak langsung ingin mendapatkan kuasa Khalifah. Beliau tidak mahu tunduk kepada Turki Uthmaniyah walaupun beliau dilantik sebagai wakil pentadbiran khilafah Islam bagi tanah Arab. Namun, beliau memberontak dan tujuan utama beliau adalah menguasai Dunia Arab,<sup>4</sup> bagi menggantikan kuasa yang ada di tangan Khalifah di Turki.

Kesempatan pergolakan dalaman ini diambil oleh British dan digunakan sebagai strategi melemahkan Islam. British bersedia memberi kuasa kepada Sharif Husin untuk mentadbir tanah Arab sepenuhnya. Tawaran itu dibuat melalui surat menyurat dengan Gabenor British di Mesir iaitu Mc Mahon. Pihak British membuat tawaran tersebut kerana mereka bimbang tentera Arab bertindak memerangi mereka dari belakang bersama-sama dengan tentera Khalifah Islam Turki Uthmaniyah terutama ketika tentera British memasuki bumi Palestin. Baxter dan Akbarzadeh menyatakan bahawa pertembungan antara dunia Arab dan Kerajaan Turki Uthmaniyah ini telah menyebabkan perubahan terhadap lanskap politik Timur Tengah di mana ia turut menyebabkan Kerajaan Turki tersebut lemah seterusnya terhapus dan lenyap dari dunia.<sup>5</sup>

British berjanji selepas jatuhnya pemerintah Turki Uthmaniyah bahawa tentera Mesir dan Iraq dibenarkan memasuki negaranya sendiri. Maka dengan itu mereka sanggup untuk turut sama menentang pemerintah Turki Uthmaniyah. Disebabkan British tidak melaksanakan janji-janji tersebut setelah pemerintah Turki Uthmaniyah dikalahkan, Mesir dan Iraq memberontak menentang British, kerana kedua-dua negara tersebut masih dijadikan tanah jajahan British walaupun perang sudah tamat. Ini adalah kerana wujudnya satu perjanjian sulit antara British, Perancis dan Rusia yang tidak diketahui oleh Sharif Husin, di mana tiga kuasa besar ini telah membahagikan wilayah yang mereka akan tadbir. Perjanjian ini dikenali sebagai *Sykes-Picot Agreement* yang dibuat pada tahun 1916.<sup>6</sup> Penglibatan beberapa negara Arab membantu pihak British memerangipemerintahan Turki Uthmaniyah telah menimbulkan pergolakan sesama sendiri. Akhirnya pemerintahan Turki Uthmaniyah terpaksa berundur dan wilayah

<sup>4</sup> Hashim al-Khred & Zaroan Alatas (2006), *Strategi Yahudi-Zionis Menguasai Dunia*, Johor: Koperasi Penulis Pembaca Muar Berhad, h. 58.

<sup>5</sup> Baxter dan Akbarzadeh (2009), *op.cit.*, h. 8.

<sup>6</sup> Perjanjian ini dibuat secara sulit dan dimeterai pada 16 Mei 1916. Lihat Fromkin, David (1989), *A Peace to End All Peace: The Fall of the Ottoman Empire and the Creation of the Modern Middle East*, New York: Owl, h. 286-288.

yang mereka tadbir iaitu Palestin terpaksa dilepaskan kepada pihak British<sup>7</sup> yang menjajah tanah tersebut bermula tahun 1917 di bawah pimpinan jeneral Allenby.<sup>8</sup>

Dalam masa yang sama Yahudi memainkan peranan melobi British untuk membentuk negara Yahudi melalui proses perjanjian antara mereka. Kelemahan Kerajaan Turki Uthmaniyah yang memerintah Palestin di antara tahun 1516-1917 turut memudahkan laluan untuk kejayaan projek Yahudi-Zionis di Palestin. Kuasa Barat mengambil peluang ini membahagi-bahagikan tanah Palestin sesama mereka. Sewaktu Persidangan London 1905-1907, idea pembentukan 'Negara Kawalan' (*Buffer State*) di kawasan Palestin telah ditimbulkan. Para hadirin telah mencadangkan satu keputusan kepada pihak Perdana Menteri Britain Campbell Bannerman pada masa itu untuk membina institusi pemerintahan yang berbentuk kawalan manusia yang kuat di Sebelah timur Laut Mediteranean yang bermusuhan dengan orang Islam, tetapi merupakan rakan Kuasa Eropah serta kuat bergantung kepada mereka.<sup>9</sup> Mereka berpandangan bahawa orang yang terbaik untuk melaksanakan perancangan kolonial ini ialah orang-orang Yahudi sendiri.

Motif utama perancangan Barat untuk membina idea Negara Kawalan (iaitu Palestin) di tengah-tengah dunia Islam adalah untuk memisahkan perpaduan orang-orang Islam di sebelah Asia dengan Afrika<sup>10</sup> dan mungkin juga mereka ingin menjauhkan masyarakat Islam dengan Barat. Idea ini juga adalah usaha untuk mematahkan sebarang kemunculan tamadun Islam yang kuat di situ. Dengan ini dunia Islam akan sentiasa sibuk dengan masalah permusuhan yang panjang dan rumit. Regim Zionis ini amat memerlukan sokongan kuasa Barat untuk menjamin survival mereka dan kuasa barat juga memerlukan mereka untuk menjamin kelemahan dunia Islam, perpecahan dan penderitaan mereka. Oleh itu salah satu strategi yang harus dilakukan adalah mereka perlu menjalinkan

<sup>7</sup> Mohd Roslan Mohd Nor (2009), "Menyantuni Konflik Palestin dan Harapan Masa Depan", Seminar Dunia Islam Kontemporari: Cabaran dan Halatuju Masa Depan, anjuran Persatuan Ulama Malaysia di Auditorium Abu Zarim, TNB Integrated Learning Solution (ILSAS), Bangi pada 15 Ogos 2009.

<sup>8</sup> Hughes, Matthew (1999), *Allenby and General Strategy in the Middle East 1917-1919*, Oxon & New York: Frank Cass Publishers, h. 112-116.

<sup>9</sup> El Shazly, Saad (1986), *The Arab Military Option*, US: American Mideast Research, h. 2.

<sup>10</sup> *Ibid.*.

hubungan kerjasama tanpa putus-putus.

### PALESTIN DI BAWAH MANDAT BRITISH

Selepas kekalahan Turki dan Jerman dalam perang dunia pertama, *allied power* atau kuasa berikat (British, Perancis dan Amerika) telah membentuk apa yang dikenali sebagai mandat (*mandate*) untuk mengambil alih tanah-tanah jajahan Jerman dan Turki yang ditawan semasa peperangan. Sistem mandat ini dibentuk pada tahun 1919 dan berjalan di bawah pengawasan Liga Bangsa-Bangsa (*League of Nations*) dan selepas Perang Dunia Kedua oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nation*). Diantara wilayah yang diletakkan di bawah sistem mandat ini ialah Palestin. Dari sudut pentadbiran, Liga Bangsa-Bangsa menyerahkan setiap wilayah kepada kuasa berikat yang menerima tanggungjawab mandat tersebut. Palestin dan Iraq diletakkan di bawah mandat British kerana pihak British telah menguasai dan menjajah wilayah tersebut pada tahun 1917. Manakala Syria pula diletakkan di bawah mandat Perancis (*French Mandate*)<sup>11</sup> sepertimana berdasarkan kepada *Sykes-Picot Agreement* yang dipersetujui mereka secara sulit pada tahun 1916 lagi.

Kekalahan Turki Uthmaniyah dan kelahiran sistem mandat ini merupakan peluang yang ditunggu-tunggu oleh pihak Zionis yang lahir atas cita-cita menubuhkan sebuah negara Yahudi yang merdeka dan berdaulat di Palestin. Sebagaimana diketahui Gerakan Zionisme Yahudi bermula dengan rasminya pada tahun 1897 di Basle dengan Theodor Herzl sebagai Presiden pertamanya. Matlamatnya seperti yang dinyatakan di dalam kongres yang diadakan iaitu “*to establish for jews a publicly and legally assured home in Palestine*” (untuk menubuhkan bagi Yahudi sebuah negara yang sah secara umum dan sah disisi undang-undang di Palestin).<sup>12</sup>

---

<sup>11</sup> Ini adalah mengikut perjanjian Sykes-Picot yang ditandatangani pada tahun 1916. Pembentukan mandat British dan ‘French’ di peretujui di San Remo pada April 1920, dimasukkan ke dalam Perjanjian Sevres, Ogos 1920 dan disahkan oleh Liga Bangsa-bangsa pada tahun 1922. Sila baca Sanders, Ronald (1983), *The High Wall of Jerusalem: A History of the Balfour Declaration and the Birth of the British Mandate for Palestine*, New York: Holt, Rinehart & Winston.

<sup>12</sup> Laqueur, Walter Z. & Rubin, Barry (eds.) (1984), *The Israel-Arab Reader: A Documentary History of the Middle East Conflict*, 4<sup>th</sup> edition. New York: Penguin Books, h. 11-12.

## DEKLARASI BALFOUR 1917 PENYUNTIK SEMANGAT YAHUDI<sup>13</sup>

Zionis telah memainkan peranan terutama dari segi melobi kuasa besar dunia barat untuk mendapatkan sokongan bagi mereka menubuhkan sebuah sepertimana yang telah termaktub dalam perancangan mereka iaitu sebuah Negara yang bakal dikenali sebagai Israel. Usaha mereka melobi dunia barat membuahkan hasil, di mana ia telah mendapat simpati barat sehingga British mengeluarkan satu deklarasasi yang dikenali sebagai Deklarasi Balfour. Pada 2 November 1917, Deklarasi Balfour dizahirkan sehingga mendorong Palestin jatuh ke tangan British. Persediaan membentuk negara bagi rakyat bangsa Yahudi di Palestin dan proses penubuhan atas perancangan sulit British-Yahudi diteruskan. Peringkat permulaan dilakukan dengan mendatangkan konsul British pertama ke Palestin iaitu Herbert Samuel, seorang berbangsa Yahudi. Dengan kuasa pentadbiran dan penguatkuasaan ke atas Palestin diletakkan di bawah British memudahkan proses memasukkan bangsa Yahudi-Zionis menduduki kawasan Palestin dengan cepat. Kerajaan British yang sememangnya sehaluan dengan objektif-objektif Zionis telah menerima dan meluluskan Deklarasi Balfour. Deklarasi itu adalah berbentuk sepucuk surat yang dikemukakan oleh Arthur James Balfour yang pada ketika itu adalah Setiausaha Luar kerajaan Britain kepada Lord Rothschild- seorang tokoh dan penaja kepada gerakan Zionis. Surat tersebut bertarikh 2 November 1917 yang mana ia secara jelas menunjukkan penglibatan British di dalam merealisasikan cita-cita Zionis di Palestin. Deklarasi itu adalah seperti berikut:

*I have pleasure in conveying to you, on behalf of His Majesty's Government, the following declaration of sympathy with Jewish Zionist aspirations which has been submitted to and approved by cabinet: His Majesty's Government view with favour the establishment in Palestine of a national home for the Jewish people, and will use their best endeavours to facilitate the achievement of this object, it being clearly understood that nothing shall be done which may prejudice the civil and religious right of the existing*

<sup>13</sup> Balfour adalah seorang negarawan Inggeris. Beliau memasuki parlimen mewakili Parti Konservatif tahun 1874. Balfour menjadi ketua Majlis Tertinggi dalam parlimen tahun 1919 dan mewakili British dalam Liga Bangsa-bangsa tahun 1920.

Perancangan Zionis Ke Arah Pembentukan Negara Israel

*non-jews communities in Palestine, or the right and political status enjoyed by Jews in any other country. I should be grateful if you would bring this declaration to the knowledge of the Zionist federation.*<sup>14</sup>

Sebelum Deklarasi Balfour dikeluarkan, sudah ada bentuk pengiktirafan daripada pihak British ke atas usaha yang ingin dilakukan Zionis iaitu untuk menubuhkan negara Israel. Ini dapat dilihat satu ucapan yang dianggap rasmi pada 18 Julai 1917, di mana Raja British menyentuh hal Zionis dalam ucapannya:

*Bahawa kerajaan British dengan perhatian yang jauh ke atas pertubuhan Zionis, menerima dasar penubuhan dan mengiktiraf Palestin menjadi negara bagi rakyat Yahudi dan rakyat Yahudi berhak membangunkan kehidupan sebagai kaum di Palestin di bawah perlindungan perjanjian damai menamatkan peperangan bagi pihak Bersekutu.*<sup>15</sup>

Maka dengan pengiktirafan tersebut dan pengiktirafan hal pemerintahan autonomi kaum Yahudi itu membolehkan kaum Yahudi bebas memasuki Palestin sebagai warganegara Yahudi dalam membangunkan ekonomi negaranya yang dibina di atas tanah Palestin tersebut.

Kewujudan sebuah negara khusus untuk satu bangsa pada zaman moden ini, terutama kewujudan Israel telah dikenalpasti sebagai hasil daripada pergerakan suatu pertubuhan yang bersifat perkauman atau 'racist'. Jika ditinjau dari aspek pandangan dunia, sudah ada bentuk kesepakatan ke atas menyatakan kewujudan negara Israel itu sebagai perkauman. Ini dapat dilihat melalui keputusan yang dicapai pada 10 November 1975 apabila persidangan PBB memutuskan Zionisme sebagai kumpulan perkauman. Menurut Shazly, barat cukup tidak berpuashati dengan keputusan tersebut dan mengutuk label yang diberikan ke atas pertubuhan Zionis. Resolusi ini telah disokong oleh 72 negara, dibantah oleh 35 negara dan 32 negara tidak menghadiri persidangan tersebut.

<sup>14</sup> Surat Arthur James Balfour kepada Lord Rothschild. Lihat umpamanya Laqueur & Rubin (eds.) (1984) *op.cit.*, h. 18.

<sup>15</sup> Hashim al-Khred dan Zarohan Alatas (2006), *op.cit.*, h. 34.



Negara yang membantah terdiri daripada Amerika Syarikat, Kanada dan negara-negara Eropah Barat. Manakala kebanyakan negara Eropah Timur, negara dunia ketiga dan negara Arab menyokong resolusi ini.<sup>16</sup>

### **PERANCANGAN ZIONIS TERHADAP PALESTIN**

Rancangan untuk menguasai Palestin oleh rejim Zionis telah bermula sejak 1896 lagi. Sejarahinya begitu berharga dan juga mempunyai cerita yang panjang. Idea asalnya dikemukakan oleh Theodor Herzl yang telah membuat dasar-dasar umum pembentukan rejim Zionis agar terlahir sebuah negara khusus untuk orang-orang Yahudi. Akan tetapi, sewaktu idea dan inisiatif Herzl dikemukakan, orang-orang Zionis belum memikirkan wilayah tertentu untuk digunakan bagi mendirikan tanah air buat kaum Yahudi. Bahkan Binsker, seorang penulis Rusia, dalam bukunya mencadangkan negara Yahudi ditubuhkan di Amerika atau Afrika Selatan. Tetapi dengan kehancuran Empayar Uthmaniyah semasa Perang Dunia Pertama, pihak British telah cuba mengaturkan untuk membentuk negara Yahudi di bumi Palestin bagi mengekalkan dominasi mereka di wilayah strategik Timur Tengah dan negara-negara Islam.<sup>17</sup>

Jika dilihat pada peringkat awal, disebabkan orang-orang Yahudi sendiri yang agak drastik dalam tindakan mereka, dunia telah menolak pemikiran Zionisme untuk mendirikan sebuah negara di Palestin. Buat seketika, keinginan mereka tidak terlaksana, melainkan setelah mendapat sokongan kuat pihak British ke atas perancangan mereka itu. Simpati pihak barat menjadi lebih cepat apabila melihat kekejaman Hitler pada perang dunia kedua termasuk terhadap orang-orang Yahudi. Ini telah memberi suntikan semangat baru dan alasan terbaik bagi para tokoh Zionis untuk menubuhkan sebuah negara yang dari segi pemerintahannya eksklusif untuk Yahudi. Dalam hal ini, agen-agen propaganda profesional yang berorientasikan fahaman Zionisme memulakan usaha untuk memperbesarkan angka-angka Yahudi yang menjadi korban Hitler di dalam peristiwa *Holocaust* serta menampilkan orang-orang Yahudi yang tertindas. Akhirnya mereka berupaya merealisasikan sebahagian besar dari mimpi-mimpi mereka iaitu dengan mengumpulkan orang-orang Yahudi yang berserakan di pelbagai negara terutama di Eropah Timur untuk

<sup>16</sup> El Shazly (1986), *op.cit.*, h. 1.

<sup>17</sup> Nazri Zakaria (2007), *Rahsia Umat Islam*, Selangor: E Noble Marketing, h. 43.





berpindah ke bumi Palestin. Sehingga kini rejim Zionis menggunakan alasan penindasan terhadap orang-orang Yahudi dalam Perang Dunia II, sebagai alat untuk mendapatkan ganti rugi. Dan dengan segala tipudaya, pada tahun 1948 maka terlahirlah negara Israel di bumi Palestin yang disokong penuh oleh negara-negara barat terutamanya Amerika.<sup>18</sup>

### **PENGIJRAHAN ORANG YAHUDI KE BUMI PALESTIN**

Seperti yang dapat digambarkan secara logik, pihak Zionis sudah tentulah menyambut baik Deklarasi Balfour yang diluluskan oleh Parlimen British. Persoalan yang mungkin ditanya berkaitan dengan ini antara lain adalah: Apakah yang menyebabkan kerajaan British bersimpati dengan objektif-objektif Zionis? Sebahagian mungkin melihat bahawa ia rentetan dari strategi licik yang dibuat oleh pihak Zionis. Antara strategi pihak Zionis ialah mereka telah menggantikan Presiden mereka yang pertama iaitu Theodor Herzl dengan seorang tokoh Yahudi Rusia bernama Chaim Weizmann. Beliau menetap di England dan semasa perang dunia pertama telah memberi khidmat yang sangat penting kepada kerajaan British. Kepakaran beliau sebagai ahli kimia telah meningkatkan keupayaan tentera British dalam peperangan.<sup>19</sup> Beliau berjaya mencipta bahan letupan yang berkesan. Oleh kerana beliau banyak berjasa kepada kerajaan British, maka dikatakan bahawa pihak British telah bersimpatiterhadap perjuangan masyarakat Yahudi. Oleh itu, British telah bersedia untuk ‘menganugerahkan’ bumi Palestin sebagai mengenang jasa golongan Yahudi termasuklah Chaim Weizmann yang membantu terutama dari aspek pertahanan kerajaan British.

Pada tahun 1925, satu perempat dari pendatang Yahudi telah berjaya mengambil alih tanah-tanah ladang yang sebelumnya dimiliki oleh tuan-tuan tanah Muslim berbangsa Turki.<sup>20</sup> Mereka menebus tanah-tanah tersebut dengan biaya dari Tabung Kebangsaan Yahudi dengan mengenyepikan hak pengusaha-pengusaha tanah serta peladang-peladang Arab. Sebahagian besar yang lain menetap di Tel Aviv.<sup>21</sup> Dengan kemasukan pendatang Yahudi secara besar-besaran, mereka dalam jangka waktu yang singkat berjaya menubuhkan institusi-institusi pendidikan,

<sup>18</sup> *Ibid.*, h. 44.

<sup>19</sup> Bickerton, Ian J. dan Klausner, Carla L. (1995), *A Concise History of the Arab-Israeli Conflict*, New Jersey: Prentice Hall, h. 40.

<sup>20</sup> Maszlee Malik (2006), *20 Persoalan Asas Palestin*, Kuala Lumpur : JIM International & JIMedia, h. 14.

<sup>21</sup> *Ibid.*.

kebajikan, perniagaan, dan perubatan. Sedikit demi sedikit umat Arab Palestin disingkirkan dari tanah air mereka sendiri. Sepanjang tempoh penjajahan ke atas Palestin dari tahun 1918 hingga 1948, pihak Britain telah membuka pintu penghijrahan seluas-luasnya kepada bangsa Yahudi dari seluruh dunia ke Palestin.<sup>22</sup>

## LATAR BELAKANG MASYARAKAT YAHUDI DAN PEMBENTUKAN NEGARA ISRAEL

Bangsa Yahudi yang tinggal di perantauan, terutamanya di Eropah banyak dipergunakan untuk menjadi pekerja industri bangunan bagi memajukan ekonomi barat. Ini telah menyebabkan golongan Yahudi mereka menjadi golongan kelas bawah dan hanya segelintir menjadi golongan menengah di Eropah. Sememangnya mereka ini telah menjadi orang asing di Eropah setelah mereka dinafikan hak di Palestin. Ini disebabkan mereka ditindas dan dihalau keluar oleh pemerintah Rom Byzantine.<sup>23</sup> Mereka dilarang dari menduduki mahupun memasuki kawasan Aelia atau lebih masyhur di kalangan masyarakat Islam sebagai Bayt al-Maqdis bermula tahun 135M. Ini sepertimana yang dilaporkan oleh Wilkinson: “*Hadrian who succeeded Trajan as Roman Emperor had proceeded his plan to make Jerusalem city a Roman colony, namely Aelia Capitolina.*” Wilkinson meneruskan bahawa ada arahan yang jelas melarang golongan Yahudi memasukinya, iaitu: “*no Jews should be allowed within the district of Aelia Capitolina (tiada Yahudi dibenarkan berada di dalam daerah Aelia).*”<sup>24</sup>

Golongan Yahudi juga turut ditindas di Eropah Barat. Mereka diusir oleh Inggeris pada tahun 1300M., pada tahun 1400M. mereka diusir oleh Perancis dan tahun 1500M. diusir oleh Sepanyol.<sup>25</sup> Pada abad inilah Yahudi bertebaran ke Eropah Timur, Rusia dan Amerika Selatan. Selama satu abad, 1600M. sehingga 1700M., kaum Yahudi berusaha menguasai pasaran dan ekonomi Eropah malah turut melibatkan diri di dalam

<sup>22</sup> *Ibid.*

<sup>23</sup> Lihat Mohd Roslan Mohd Nor (2008), ‘Islamic Jerusalem Under Muslim Rule: A Study of the Implementation of Inclusive Vision on the Region’, *Jurnal al-Tamaddun*, Jil. 3, h. 165.

<sup>24</sup> Lihat Wilkinson, John (1990), “Jerusalem Under Rome and Byzantium 63BC-637AD”, dalam Asali, K.J (ed.), *Jerusalem in History*, New York: Olive Branch Press, h. 88.

<sup>25</sup> Sila lihat di <http://www.scribd.com/doc/6092761/Sejarah-Berdirinya-Israel>. 9 April 2009.

menimba ilmu pengetahuan moden. Walaupun mereka ditindas di negara-negara tempat mereka tinggal, namun strategi untuk menguasai pasaran telah membuatkan mereka berjaya menguasai banyak institusi-institusi strategik di barat sehingga ke hari ini.

Atas kesedaran penindasan yang berlaku, mereka mulai mencari jalan untuk melangkah keluar dari keadaan kehidupan yang dilalui. Para ilmuan mereka mulai berfikir untuk merumuskan teori dan perancangan, bagi mempermudah jalan menubuhkan sebuah negara. Pada tanggal 1 Mei 1776, tokoh Yahudi Nathan Bernbaum, mendirikan Zionisme International, dua bulan sebelum kemerdekaan Amerika dideklarasikan.<sup>26</sup> Pertubuhan ini tidaklah besar pengaruhnya seperti pertubuhan World Zionist Organization yang diasaskan secara rasmi oleh Theodor Herzl pada tahun 1897. Tetapi ia cukup untuk mereka memainkan peranan meniupkan semangat revolusi nasionalisme kepada umat Islam terutama di negara Arab. Melalui Lawrence of Arabia, mereka berhasil memecah-belah negeri Arab yang mana masyarakat Arab seakan sudah lama menanti untuk melepaskan diri dari Khalifah Uthmaniyah yang berpusat di Turki. Meskipun Eropah sudah berjaya mereka kuasai dari segi mendapatkan simpati, namun penghalang utama cita-cita bangsa Yahudi adalah Khalifah Uthmaniyah yang menjadi penjaga setia tanah Palestin. Oleh sebab itu, apabila negara Arab mula bangkit menentang Uthmaniyah, ia telah menjadikan kerajaan tersebut lemah dan membuka laluan seterusnya kepada Zionis untuk bertindak.

Berbagai langkah dan strategi dilancarkan oleh Zionis untuk menembusi halangan Khilafah Uthmaniyah, agar mereka dibenarkan memasuki Palestin dan mendirikan negara di atas tanah tersebut. Antaranya :

**Pertama**, pada tahun 1892, Sekumpulan Yahudi Rusia mengajukan permohonan kepada Sultan Abdul Hamid II (1876-1909), untuk mendapat keizinan untuk tinggal di Palestin. Permohonan itu dijawab oleh sultan dengan ucapan “*Pemerintahan Uthmaniyah memberitahu kepada setiap kaum Yahudi yang ingin berhijrah ke Turki, bahawa mereka tidak akan diizinkan menetap di Palestin*”, di mana jawapan tersebut telah menimbulkan kemarahan kaum Yahudi.

<sup>26</sup> Z.A. Maulani (2002), *Zionisme: Gerakan Menaklukkan Dunia*, Jakarta: Daseta, h. 7.



**Kedua**, Theodor Herzl, penulis *Der Judenstaat* (Negara Israel), memberanikan diri menemui Sultan Abdul Hamid II sambil meminta izin mendirikan penempatan Yahudi di Palestin. Permohonan itu dijawab sultan “*sesungguhnya empayar ‘Uthmani adalah milik rakyatnya. Mereka tidak akan menyetujui permintaan itu. Sebab itu simpanlah kekayaan kalian itu dalam poket kalian sendiri*”.<sup>27</sup> Melihat kepada keteguhan sultan, mereka kemudian merumuskan strategi baru menghancurkan Khalifah Uthmaniyah. Oleh kerana kuatnya aktiviti dan desakan Zionis, akhirnya Sultan pada tahun 1900 mengeluarkan keputusan melarang pendedahan Yahudi di Palestin untuk tinggal lebih dari tiga bulan. Pada tahun 1901 Sultan mengeluarkan keputusan untuk melarang penjualan tanah kepada Yahudi di Palestin.<sup>28</sup>

Herzl yang memberanikan diri menghadap Sultan Abdul Hamid II pada tahun 1902 untuk memujuk mendapatkan tanah Palestin, telah mengemukakan tawaran kewangan kepada baginda atau boleh juga dikelaskan sebagai rasuah.<sup>29</sup> Di antara rasuah yang ditawarkan Herzl kepada sultan adalah:

1. £150 juta (pound sterling British) khusus untuk Sultan.
2. Membayar semua hutang pemerintah Uthmaniyah yang mencapai £33juta (pound sterling British).
3. Mendirikan kapal induk untuk menjaga pemerintah, dengan biaya 120 juta Frank.
4. Memberi pinjaman £5 juta (pound sterling British) tanpa bunga.
5. Mendirikan Universiti Uthmaniyah di Palestin.

Semua tawaran tersebut ditolak oleh Sultan dan melalui Tahsin Basya, iaitu Perdana Menteri, baginda memesan nasihat agar Herzl melupakan hasratnya mengenai masalah tersebut. Sungguhpun kerajaan ‘Uthmaniyah amat memerlukan dana kewangan yang kukuh ketika itu, namun Sultan Abdul Hamid II menolak bulat-bulat permintaan Yahudi. Baginda menjawab cadangan Herzl dengan kata-katanya:

*Aku menasihatkannya supaya tidak lagi mengemukakan permintaan ini selama-lamanya. Aku tidak boleh*

<sup>27</sup> *Ibid.*.

<sup>28</sup> *Ibid.*, h. 8.

<sup>29</sup> Adian Husaini (1965), *Mau Menang Sendiri: Israel Sang Teroris yang Pragmatis?*, Jakarta: Pustaka Progresif, h. 55.



*menjual walau seinci pun tanah negara ini kerana tanah tersebut bukan kepunyaanku tetapi hak rakyatku. Rakyatku memperolehi tanah itu daripada empayar Rom dengan menumpahkan darah-darah mereka. Kami akan melindunginya dengan darah-darah kami sebelum kami membenarkan sesiapa pun merampasnya daripada kami...untuk Yahudi menyimpan harta billion mereka. Apabila Empayar Rom membahagikan tanah maka Yahudi akan memperolehi tanah Palestin tanpa membayar sedikitpun. Sesungguhnya tanah Palestin tidak akan diserahkan kepada kamu kecuali kamu melangkah mayat-mayat kami dahulu dan setelah kami mati, kami tidak akan mengizinkan mayat-mayat kami dibedah dengan sebarang tujuan sekalipun.*<sup>30</sup>

Berbagai taktik kotor dilancarkan Zionis untuk menghancurkan dunia Islam khususnya Palestin. Mereka bertindak dengan menghancurkan halangan utama iaitu Khalifah Uthmaniyah agar mereka dapat menduduki Palestin dengan mudah. Mereka juga turut melobi British, Perancis, Rusia dan Amerika untuk mendapatkan sokongan dan simpati, dengan menjadikan peristiwa-peristiwa tertentu seperti Holocaust bagi melunakkan barat supaya cenderung dan menyokong mereka.

## **PENUBUHAN NEGARA ISRAEL**

Kerajaan British telah berselindung di sebalik Deklarasi Balfour untuk menjustifikasikan sokongan ke atas aspirasi Zionis di Palestin. Isi deklarasi Balfour sendiri penuh dengan kontradiksi di mana satu pihak Kerajaan British mengatakan: “*Viewed with favour the establishment of a national home for the Jewish people in Palestine*” (Kerajaan berpandangan menyokong pembentukan Palestine sebuah negeri bagi penduduk Yahudi), tetapi di tempat yang lain menyebut “*the British now promised to protect the civil and religious rights of the existing non-jewish communities in Palestine*” (Kerajaan British sekarang berjanji akan mempertahankan hak-hak sivil dan keagamaan masyarakat bukan Yahudi yang sedia ada di Palestin).<sup>31</sup> Dengan kenyataan tersebut kerajaan British telah menukarkan

<sup>30</sup> Ayyub, Samir (1984), *Watha'iq Asasiyah fi al-Sira` al-`Arabi al-Sihyun*, Jil. 1. Beirut : Dar al-Hadathah li al-Tiba`ah wa `l-Nashr, h. 280.

<sup>31</sup> Sila lihat seterusnya mengenai Memorandum Balfour Kepada Kabinet British pada tahun 1919, Dimpleby, Jonathan (1979), *The Palestinians*, London: Quartet



status 92% penduduk Arab Palestin yang merupakan golongan majoriti dan penduduk yang sah ditanah air mereka sendiri kepada status bukan Yahudi *non Jewish*. Ini memberikan satu implikasi bahawa mereka tidak lagi menikmati status penduduk pri-bumi dan Palestin kini menjadi hak istimewa masyarakat Yahudi yang merupakan etnik minoriti di Palestin sepanjang sejarah pemerintahan Islam dan semasa pentadbiran Uthmaniyah.

Segala bentuk perselisihan dan kesamaran yang terkandung di dalam deklarasi Balfour segera diperjelaskan oleh tokoh-tokoh zionis. Perhatikan kenyataan Chaim Weizmann kepada Setiausaha Negara Amerika: "...define the Jewish national home to mean the creation of the natural conditions of the country - always safeguarding the interests of the non-Jews of the country - with the hope that by Jewish immigration, Palestine would ultimately becomes as jewish as England is English (... menafsirkan Negara Yahudi sebagai kewujudan sebuah pentadbiran yang lahir dari ciri semulajadi sebuah negara yang senantiasa memelihara kepentingan rakyat bukan berbangsa Yahudi, negara tersebut dengan harapan melalui kedatangan bangsa Yahudi, Palestin akhirnya bersifat Yahudi sebagaimana England bersifat Inggeris).<sup>32</sup>

Maka penghijrahan secara besar-besaran dari Eropah merupakan satu perancangan tersusun oleh golongan Zionis dengan sokongan kuasa-kuasa besar bagi melahirkan cita-cita negara Yahudi di Palestin. Masyarakat Arab Palestin yang semakin terancam oleh perancangan ini telah bangkit dengan melancarkan beberapa rusuhan dan menyerang komuniti-komuniti imigran Yahudi. Insiden berdarah pertama yang melibatkan Arab Palestin dan golongan Yahudi berlaku pada bulan Mei 1920 di Bayt al-Maqdis. Rusuhan-rusuhan berlanjutan lagi pada bulan Mei 1920 di Jaffa. Di peringkat ini ianya masih lagi berlaku dalam bentuk yang terhad dalam ertikata ianya hanya melibatkan penduduk Arab Palestin dan tidak mendapat perhatian dunia Islam yang rata-rata telah menjadi wilayah taklukan kuasa-kuasa imperialis barat selepas perang dunia pertama.<sup>33</sup>

---

Books Limited, h. 35.

<sup>32</sup> Weizmann, Chaim (1950), *Trial and Error: The Autobiography of Chaim Weizmann*, USA: Jewish Publication Society of America h. 115.

<sup>33</sup> Gorny, Yosef (1987), *Zionism and the Arabs. 1882-1948: A Study of Ideology*, USA: Oxford University Press, h. 90.



Ekoran dari penentangan orang-orang Arab Palestin, gerakan Zionis tidak lagi menyembunyikan hasrat mereka di Palestin. Dengan secara terbuka mereka menyatakan kepada dunia bahawa Palestin akan menjadi sebuah negara Yahudi dan orang-orang Arab tidak mempunyai sebarang hak ke atasnya. Perhatikan kenyataan Dr. Eder, orang yang bertindak sebagai Pengerusi Pesuruhjaya Zionis di Palestin kepada Suruhanjaya British yang menyiasat keganasan yang berlaku di Jaffa pada tahun 1921. Beliau berkata: “*Hanya satu Negara yang boleh wujud di Palestin iaitu negara Yahudi, dan tidak ada kesamarataan dalam perhubungan Yahudi dan Arab, tetapi dominasi Yahudi sebaik sahaja bilangan mereka ditingkatkan.*”<sup>34</sup>

Untuk ini pihak Zionis akan melakukan apa sahaja bagi mencapai matlamat ini meskipun mereka terpaksa berperang untuknya seperti yang disebut oleh Chaim Weizman: “*Trust to God that a Jewish state will come about, but it will come about not through political declaration, but by the sweat and blood of the Jewish people*” (Yakinlah pada Tuhan bahawa negara Yahudi akan menjadi kenyataan, tetapi ia tidak muncul melalui deklarasi politik, tetapi melalui darah dan keringat bangsa Yahudi).<sup>35</sup>

Bukan sahaja hak rakyat Palestin diketepikan malahan kewujudan mereka sendiri dinafikan. Tindakan Zionis membanjiri Palestin dengan pendatang Yahudi merupakan usaha bersungguh-sungguh untuk memadamkan Palestin dari peta dunia dan mengeluarkan penduduk asalnya. Keangkuhan dan kebiadapan Zionis boleh diperhatikan dari kata-kata Golda Meir, Perdana Menteri Israel satu waktu dahulu apabila dia mengatakan: “*There was no such thing as a Palestinian people...it is not as though there was a Palestinian people and we came and throw them out and took their country away from them. They did not exist.*” (Tidak wujud apa yang dikatakan sebagai rakyat Palestin. Ia bukan seakan-akan wujudnya rakyat Palestin dan kemudian kami datang dan mengambil alih negara mereka. Mereka tidak wujud).<sup>36</sup>

<sup>34</sup> Dimpleby (1979) *op.cit.*, h. 67.

<sup>35</sup> Weizmann, Chaim (1952), *Excerpts from his Historical Statements, Writing and Addresses, The Jewish Agency for Palestine*, New York, h. 48.

<sup>36</sup> *Ibid.*.





Mereka sanggup membohongi sejarah dan kuasa-kuasa besar yang berada di bawah telunjuk mereka yang hanya melihat dengan sebelah mata penindasan demi penindasan Zionis ke atas umat Islam Palestin. Penglibatan kuasa-kuasa besar di dalam merealisasikan cita-cita Zionis jelas dalam ungkapan Arthur Balfour sendiri dalam satu memorandum kepada Kabinet British pada tahun 1919:

*Di Palestin kami tidak tidak berhasrat untuk mengambil kira pandangan rakyat asal...kuasa-kuasa (Amerika, Britain, Perancis dan Russia) menyokong Zionisme, sama ada ia benar atau salah, baik atau buruk, dan ini mempunyai akar umbinya dari tradisi zaman silam, dalam keperluan semasa, dan dalam meletakkan harapan masa depan, yang jauh mengatasi kehendak dan prejudis tujuh ratus ribu Arab yang kini menghuni tanah leluhur itu...setakat ini berkaitan Palestin, kuasa besar tidak mengeluarkan sebarang kenyataan yang tidak diakui sebagai satu kesalahan, dan tidak ada pengumuman dasar yang mengungkapkan sekurang-kurangnya dari segi perkataan bahawa mereka sentiasa tidak bersedia untuk melanggarnya.<sup>37</sup>*

Melihat kepada sumber-sumber yang jelas ini sebenarnya memperkukuhkan bukti bahawa Zionis telah memainkan peranan dalam merancang dan melobi pihak British untuk mendapatkan Palestin sebagai tempat mereka menubuhkan negara. Walaupun mereka bukan penduduk majoriti di Palestin dari awal sebelum kedatangan Islam, tetapi pada awal abad ke-20 mereka berusaha merampas tanah tersebut. Mereka mendapat sokongan kuasa barat, oleh sebab itu mereka berani melakukan apa sahaja dan sanggup menubuhkan negara di atas tanah yang dirampas dari golongan Muslim.

Pihak Zionis antarabangsa mengisytiharkan Negara Israel pada 15 Mei 1948 selepas British meninggalkan Palestin yang berada di bawah *British Mandate* sebelumnya. Di ambang pengisytiharan tersebut, pihak tentera Zionis telah menewaskan tentera-tentera Arab, yang pada masa yang sama sedang menghadapi masalah-masalah kepimpinan

<sup>37</sup> Dimpleby (1979), *op.cit.*, h. 67.





yang buruk, kelemahan koordinasi dan kurang pengalaman sehingga menyebabkan mereka ditawan musuh dengan mudah. Ini menyebabkan pihak Zionis menguasai 77% bumi Palestin, lalu menghalau 800,000 dari 920,000 rakyat Palestin dari bumi yang mereka duduki. Mereka turut menghancurkan 351 dari 585 perkampungan Palestin, di samping melakukan 34 jenayah pembunuhan di wilayah jajahan.<sup>38</sup> Kelemahan pasukan Arab ini memberikan indikasi bahawa laluan untuk pihak Zionis menubuhkan negara adalah tidak sepayah mana, malah boleh dikatakan ia telah menjadi mudah.

Adapun wilayah-wilayah Palestin yang masih berbaki adalah bahagian wilayah Tebing Barat yang berkeluasan 5878km persegi secara rasminya pada waktu tersebut diletakkan sebagai sebahagian dari wilayah pentadbiran Jordan. Manakala kerajaan Mesir pula meletakkan wilayah Gaza yang mempunyai keluasan 363km persegi di bawah pemerintahannya. Pihak Bangsa-Bangsa Bersatu pula, bersetuju untuk menerima negara Israel sebagai ahli Bangsa-Bangsa Bersatu dengan syarat pihak Israel mestilah membenarkan pelarian Palestin untuk kembali ke tanah air mereka. Walaupun PBB mengiktiraf Israel sebagai sebuah Negara, tetapi hak bagi rakyat Palestin untuk kembali ke tanahair mereka merupakan suatu perkara yang tidak pernah dilaksanakan sama sekali oleh rejim Zionis.<sup>39</sup>

Ada juga yang mengaitkan usaha perancangan Zionis menguasai Palestin ini sebagai usaha kumpulan yang dikenali sebagai Freemason. Mereka menyatakan bahawa gerakan Freemason bertujuan melahirkan generasi baru bagi manusia bukan Yahudi dengan matlamat untuk kembali ke Palestin dan berkuasa ke atas dunia dengan gelaran Hakim Tertinggi Yahudi dunia.<sup>40</sup>

## **ZIONIS MELAKUKAN PENGUSIRAN KE ATAS ORANG ARAB PALESTIN**

Pada tahun 1905, Israel Zangwill, seorang pemikir organisasi Zionis di England dan salah seorang propaganda Zionis terkemuka yang menciptakan slogan “*sebuah tanah air tanpa rakyat untuk rakyat tanpa*

<sup>38</sup> Maszlee Malik (2006), *op.cit.*, h.19.

<sup>39</sup> *Ibid.*, h. 20.

<sup>40</sup> Hashim al-Khred dan Zarohan Alatas (2006) *op.cit.*, h. 29.

*tanah air*"<sup>41</sup> mengakui di Manchester, bahawa Palestin bukanlah tanah tanpa rakyat. Sebenarnya tanah itu dihuni oleh bangsa Arab. Tetapi beliau dengan angkuh berkata "*kami menyiapkan diri untuk mengusir dengan pedang kabilah-kabilah Arab itu sebagaimana yang dilakukan oleh nenek moyang kami atau menghadapi kehadiran penduduk asing dalam jumlah yang besar terutama kaum Mohameddan yang selama berabad-abad menghina kami.*"<sup>42</sup> Komentar Zangwill ini disuarakan ketika mana ada 645,000 orang Arab Muslim dan Kristian di Palestin, sementara orang Yahudi hanya ada 55,000, di mana sebahagian besar golongan Yahudi itu terdiri daripada mereka yang tergolong dalam kategori non-Zionis atau anti-Zionis yang tinggal terutama di kawasan Jerusalem dan kota-kota lainnya".<sup>43</sup>

David Ben Gurion, tokoh yang bersama Theodor Herzl dan Chaim Weizmann membentuk idea penubuhan Negara khusus untuk Yahudi, telah menjadi Perdana Menteri pertama negara Israel. Malah beliau melihat bahawa Zionisme adalah berkaitan dengan pengusiran keluar masyarakat Arab Palestin bagi membolehkan pemindahan besar-besaran orang Yahudi ke Palestin. Pengusiran orang Arab lebih mudah dilakukan daripada memilih kaedah lain untuk mengosongkan tanah Palestin. Maka tidak hairanlah usaha berterusan dilakukan untuk Zionis menguasai keseluruhan Palestin tersebut, namun di kalangan masyarakat Arab mereka tidak mudah untuk menyerah begitu sahaja. Usaha berterusan Zionis itu telah digambarkan oleh Benjamin Beithallahmi sebagai berikut:

*Kalau masalah Diaspora Yahudi adalah bagaimana hidup sebagai kaum minoriti, maka masalah dasar Zionisme di Palestin adalah bagaimana melenyapkan penduduk asal dan menjadikan kaum Yahudi sebagai majoriti.*<sup>44</sup>

Apabila Zionis bercadang ingin menubuhkan negara merdeka untuk bangsa Yahudi di dalam wilayah Palestin, antara masalah utama yang dihadapi ialah kekecilan saiz populasi Yahudi yang tinggal di situ.

<sup>41</sup> *Ibid.*

<sup>42</sup> *Ibid.*

<sup>43</sup> Z.A. Maulani (2002) *op.cit.*, h. 23.

<sup>44</sup> BeitHallahmi, Benjamin (1993), *Original Sin: Reflection on the History of Zionism and Israel*, New York: Olive Branch Press, h. 72.

Pada awal tahun 1900-an, populasi Yahudi adalah kurang daripada 10 peratus berbanding keseluruhan populasi penduduk asal di kalangan masyarakat Arab Palestin. Berdasarkan kepada perangkaan rasmi, dengan usaha Zionis, bilangan pendatang Yahudi telah meningkat dari 100,000 orang pada tahun 1920-an, kepada 232,000 orang pada tahun 1930-an, pada tahun 1939, kira-kira 445,000 orang-orang Yahudi daripada populasi keseluruhan rakyat Palestin yang jumlah 1.5 juta.<sup>45</sup>

Dalam proses pembahagian Palestin (*partition*) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 29 November 1947 dan penubuhan kerajaan Israel pada 15 Mei 1948, rakyat Israel berjaya mendapatkan bahagian tanah Palestin yang cukup banyak. Kesan daripada tekanan dan pembunuhan di kampung-kampung Palestin, bilangan rakyat Palestin yang tinggal di dalam kira-kira 500 buah bandar, pekan dan perkampungan jatuh dari 950,000 orang kepada 138,000 orang. Kebanyakan dari mereka telah dibunuh dan yang lain telah diusir keluar. Kumpulan pengganas Zionis yang kemudiannya menjadi pasukan askar Israel telah menyerang perkampungan umat Islam pada waktu malam. Ini termasuk peristiwa pembantaian di Deir Yasin yang menyebabkan lebih 300 orang rakyat Palestin dibunuh dengan kejam. Umat Islam ditembak dan ke mana sahaja kumpulan ini pergi mereka akan melakukan pembakaran dan kemusnahan. Dengan cara yang dilakukan Zionis ini, kira-kira 400 buah perkampungan Palestin dilenyapkan dari peta pada tahun 1948 dan 1949.<sup>46</sup>

Harta milik rakyat Palestin yang ditinggalkan telah diambil alih dengan menggunakan Undang-undang Hartanah Tidak Bertuan. Sehingga 1947, pemilikan tanah di Palestin oleh rakyat Yahudi adalah 6 peratus. Apabila negara Israel ditubuhkan mereka merampas kira-kira 90 peratus daripada jumlah tanah. Penduduk Arab Palestin hanya ditinggalkan dengan dua kawasan yang berasingan iaitu Semenanjung Gaza dan Tebing Barat.<sup>47</sup>

Seperti yang telah kita lihat, setiap kedatangan orang-orang Yahudi yang baru di Palestin, ia membawa maksud kekejaman, penindasan dan

<sup>45</sup> *Ibid.*

<sup>46</sup> Yahya, Harun (2004), *Zaman Kegelapan dan Ketibaan Era Kebangkitan Islam*, Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa, h. 42.

<sup>47</sup> *Ibid.*



keganasan terhadap populasi umat Islam.<sup>48</sup> Dalam usaha menempatkan pendatang yang baru organisasi Zionis memaksa rakyat Palestin supaya meninggalkan tanah yang telah mereka duduki selama beratus-ratus tahun. Joseph Weitz, yang terlibat dalam perpindahan kerajaan Israel pada tahun 1948, menulis di dalam diarinya pada 20 Disember 1940:

*Ia mesti jelas bahawa tiada tempat bagi kedua-dua pihak di dalam negara ini. Tiada pembangunan yang akan membawa kita lebih rapat kepada matlamat, untuk menjadi rakyat merdeka di dalam sesebuah negara yang kecil ini. Selepas orang-orang Arab dipindahkan, negara ini akan terbuka luas untuk kita, jika orang-orang Arab terus tinggal, negara ini akan menjadi lebih sempit dan terbatas. Satu-satunya cara ialah dengan memindahkan orang-orang Arab dari sini ke negara-negara jiran, kesemua mereka. Tiada sebuah perkampungan ataupun sebuah suku kaum dibiarkan wujud.*<sup>49</sup>

Heilburn pengerusi untuk pilihan raya semula untuk jawatan Jeneral Shlorno Lahat, Datuk Bandar Tel Aviv, telah memperlihatkan pandangan perkauman Zionis terhadap rakyat Palestin seperti berikut: “Kita mesti membunuh seluruh rakyat Palestin, melainkan mereka bersetuju untuk hidup di sini sebagai hamba.”<sup>50</sup>

## **KESIMPULAN**

Dari perbincangan di atas, jelas dapat difahami bahawa kewujudan negara Israel adalah berkadar lansung dengan usaha gigih golongan Zionis untuk membela kaum Yahudi. Kewujudan pertubuhan World Zionist Organization di ambang kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyah telah memberi kelebihan kepada mereka untuk mendapatkan tanah Palestin sebagai tempat untuk ditubuhkan Negara Israel. Kerajaan Turki Uthmaniyah, walaupun berada pada tahap yang tidak stabil, tetapi mereka tidak pernah bertindak

<sup>48</sup> *Ibid.*, h. 43.

<sup>49</sup> *Ibid.*.

<sup>50</sup> Schoenman, Ralph (1998), *The Hidden History of Zionism*, Santa Barbara (California): Veritass Press, h. 28.





Perancangan Zionis Ke Arah Pembentukan Negara Israel  
menggadai Palestin walaupun pujukan dan rayuan termasuk usaha untuk  
'merasuah' pemimpin mereka, tetapi usaha itu hanya sia-sia sahaja.

Kekuatan lobi Zionis ini berbekal dengan Deklarasi Balfour yang telah memberi suntikan semangat untuk mereka bekerja sedaya upaya menubuhkan Negara Israel di Palestin. Malah, pihak British secara terang menyokong usaha tersebut sehingga dinyatakan dengan jelas dalam deklarasi tersebut bahawa pihak British menyokong penubuhan Negara Israel di Palestin. Deklarasi inilah yang merupakan detik terpenting bagi sejarah Negara Israel dan detik hitam dalam sejarah masyarakat Arab Palestin yang terdiri daripada Muslim dan Kristian. Jelaslah dari aspek sejarah bahawa hubungan erat dan sokongan yang diberi oleh barat kepada Yahudi telah menyebabkan Palestin terus berada di bawah penguasaan Yahudi di atas nilai yang perlu dibayar kepada umat Islam terutama di seluruh Timur Tengah.

## **RUJUKAN**

Ayyub, Samir (1984), *Watha'iq Asasiyah fi al-Sira` al-'Arabi al-Sihyun*, Beirut: Dar al-Hadathah li al-Tiba`ah wa al-Nashr.

Baxter, Kylie dan Akbarzadeh, Shahram (2009), *US Foreign Policy in the Middle East: The Root of anti-Americanism*, London and New York: Routledge.

BeitHallahmi, Benjamin (1993), *Original Sin: Reflection on the History of Zionism and Israel*, New York: Olive Branch Press.

Bickerton, Ian J. dan Klausner, Carla L. (1995), *A Concise History of the Arab-Israeli Conflict*, New Jersey: Prentice Hall.

Dimbleby, Jonathan (1979), *The Palestinians*, London: Quartet Books Limited.

El Shazly, Saad (1986), *The Arab Military Option*, USA: American Mideast Research.



- Fromkin, David (1989), *A Peace to End All Peace: The Fall of the Ottoman Empire and the Creation of the Modern Middle East*, New York: Owl.
- Gorny, Yosef (1987), *Zionism and the Arabs. 1882-1948: A Study of Ideology*, USA: Oxford University Press.
- Hashim al-Khred dan Zarohan Al-Atas (2006), *Strategi Yahudi-Zionis Menguasai Dunia*, Johor: Koperasi Penulis Pembaca Muar Berhad.
- Hughes, Matthew (1999), *Allenby and General Strategy in the Middle East, 1917-1919*, Oxon & New York: Frank Cass Publishers.
- Laqueur, Walter Z. dan Rubin, Barry (ed.) (1984), *The Israel-Arab Reader: A Documentary History of the Middle East Conflict*, 4<sup>th</sup> ed, New York: Penguin Books.
- Maszlee Malik (2006), *20 Persoalan Asas Palestin*, Kuala Lumpur: JIM International & JIMedia.
- Mohd Roslan Mohd Nor (2008), 'Islamic Jerusalem Under Muslim Rule: A Study of the Implementation of Inclusive Vision on the Region', dalam *Jurnal al-Tamaddun* (ISSN:1823-7517), Jil. 3.
- Mohd Roslan Mohd Nor (2009), 'Menyantuni Konflik Palestin dan Harapan Masa Depan,' *Seminar Dunia Islam Kontemporari: Cabaran dan Halatuju Masa Depan*, anjuran Persatuan Ulama Malaysia di Auditorium Abu Zarim, TNB Integrated Learning Solution (ILSAS), Bangi pada 15 Ogos 2009.
- Nazri Zakaria (2007), *Rahsia Umat Islam*, Selangor: E Noble Marketing.
- Sanders, Ronald (1983), *The High Wall of Jerusalem: A History of the Balfour Declaration and the Birth of the British Mandate for Palestine*, New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Schoenman, Ralph (1998), *The Hidden History of Zionism*, Santa Barbara (California): Veritass Press.



Perancangan Zionis Ke Arah Pembentukan Negara Israel

Weizmann, Chaim (1950), *Trial and Error: The Autobiography of Chaim Weizmann*, USA: Jewish Publication Society of America.

Wilkinson, John (1990), 'Jerusalem Under Rome and Byzantium 63BC-637AD', dalam Asali, K. J. (ed.), *Jerusalem in History*, New York: Olive Branch Press.

Yahya, Harun (2004), *Zaman Kegelapan dan Ketibaan Era Kebangkitan Islam*, Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa.

Z.A. Maulani (2002) *Zionisme: Gerakan Menaklukkan Dunia*. Jakarta: Daseta.





*Jurnal Usuluddin*

